




Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

# MAJLIS PERHIMPUNAN BERSAMA SETIAUSAHA SPP

---

27 September 2018  
Auditorium JPM





# Penghargaan

---

Tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pegawai SPP atas penglibatan dalam program berikut:

- Program Bual Bicara & Konsultansi Perkhidmatan dan Tata tertib di Johor Bahru, Kuantan dan Kuching
- Taklimat ePROPER di seluruh negara
- Program Jelajah SPP di P.Pinang & Kedah
- Urusan Temuduga Calon IPTA
- Perhimpunan Maal Hijrah



# **Pekeliling Baharu SPP**

---

- Pekeliling SPP Bil. 1 Tahun 2018 - Tatacara Pengesahan Pelantikan Tetap
- Pekeliling SPP Bil. 2 Tahun 2018 - Tatacara Pelanjutan Tempoh Percubaan
- Pekeliling SPP Bil. 3 Tahun 2018 - Tatacara Pengesahan Perkhidmatan
- Pekeliling SPP Bil. 4 Tahun 2018 - Tatacara Pemberian Taraf Berpencen

(membatalkan Pekeliling SPP Bil. 4 Tahun 2013 - Tatacara Pengesahan Dalam Perkhidmatan & Pemberian Taraf Berpencen)



## **Pekeliling Baharu SPP (samb)**

---

- Pekeliling SPP Bil. 5 Tahun 2018 - Pelaksanaan Sistem ePROPER
- Surat Edaran Tahun 2018 - Peringatan Pematuhan Pengendalian Laporan Pemeriksaan Kesehatan Oleh Ketua Jabatan Bagi Maksud Pelantikan ke Dalam Perkhidmatan Pendidikan - Pekeliling SPP Bil. 2 Tahun 2017



# **Pelaksanaan Sistem ePROPER:**

---

- Pekeliling SPP Bil.5 Tahun 2018 berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2018 dan membatalkan Pekeliling SPP Bil. 1 Tahun 2017 - Pelaksanaan Sistem ePROPER (Projek Rintis)
- Satu Projek Transformasi Perkhidmatan Awam JPM dengan objektif memudahkan urusan perkhidmatan & menjimatkan penggunaan kertas
- Taklimat di seluruh negara selepas tamat pelaksanaan projek rintis di Putrajaya pada Jun 2016.
- Pencapaian bagi Sabah & Sarawak lebih 95% dan Semenanjung lebih 70%
- Naziran ePROPER sedang dilaksanakan



# Urusan Temu Duga

---

- Tiga sesi temu duga melibatkan 5,025 orang calon graduan IPGM, Permata dan IPTA. Calon yang berjaya dan ditawarkan lantikan tetap sebanyak 1,551
- Tiada urusan temu duga bagi Anggota Kumpulan Pelaksana
- Dijangka bulan Oktober 2018 sesi temuduga terakhir melibatkan calon IPGM namun tertakluk kepada kelulusan JPA
- Bagi AKP, Calon Simpanan bagi urusan temu duga tahun 2017 akan diperakukan
- Setinggi-tinggi penghargaan kepada pegawai SPP yang terlibat sebagai Urus Setia





## Program Bersepadu SPP

---

- Satu jenama baharu SPP bermula tahun 2017 di Pulau Langkawi melibatkan 3 program iaitu Program Bual Bicara, Konsultasi Perkhidmatan dan Tatatertib dan MSJ
- Program yang melibatkan ASJ dengan menggunakan Bajet T10
- Bagi Tahun 2018 telah dilaksanakan di Sibul, Kuantan, Simunjan dan Johor Baharu. Program terakhir di Wilayah Persekutuan Labuan
- Maklumbalas daripada peserta program sangat positif dan mereka mahu diteruskan & diperingkat Urus Setia kita membuat penambahbaikan dari semasa ke semasa
- Tahniah dan syabas kepada Urus Setia menjadikan program ini *favourite* kepada ASJ



## Majlis Bersama Jabatan

---

- MBJ satu platform bagi semua pegawai menyuarakan isu mahupun cadangan kepada pihak pengurusan. Isu dan cadangan yang tidak boleh diselesaikan diperingkat SPP akan dibawa kepada Agensi Pusat seperti JPA & Treasury
- Sehingga kini Mesyuarat MBJ telah bermesyuarat 3 kali. Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli MBJ yang diketuai Encik Rosli bin Mad Arib yang telah memberi komitmen sepenuhnya
- Isu dan cadangan dikemukakan akan dibincang & dicari jalan penyelesaian & proses ini akan dipanjangkan kepada JPA. Setakat ini banyak isu dan cadangan dapat diselesai, namun bilangan isu & cadangan boleh diperbanyakkan
- Sewajarnya MBJ digunakan pegawai untuk meluahkan perasaan mereka demi kebaikan jabatan bukan melalui surat layang mahupun media sosial





## Melaksanakan Amanah

---

- Sebagai pegawai awam, kita diberi tanggungjawab mengikut gred dan jawatan yang ditetapkan dengan dibayar emolument
- Kita perlu melaksanakan amanah yang diberikan oleh Kerajaan. Tindakan penyelewengan dan melakukan sabotaj ke atas dasar/ keputusan Kerajaan adalah bercanggah dengan janji yang kita buat di awal pelantikan
- Sehubungan itu mulai 20 September 2018, Kerajaan telah memutuskan semua surat rasmi Kerajaan diakhiri dengan ayat "Saya yang menjalankan amanah" menggantikan "Saya yang menurut perintah"
- Harapan saya moga pegawai SPP memahami tanggungjawab & amanah yang ditetapkan dan sentiasa menyokong usaha mahupun dasar yang diputuskan oleh Kerajaan.



## Pemantauan Kehadiran Pegawai

---

- Mulai Ogos 2018, kehadiran setiap pegawai SPP akan dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan yang diadakan setiap bulan
- Setiap pegawai memastikan kehadiran mereka yang direkodkan dalam TAMS dikemaskini melalui penyelia masing-masing.
- Pegawai yang ada masalah kehadiran, akan diambil tindakan mengikut peraturan berkuatkuasa. Tempoh interim bagi pemantauan ini bagi kehadiran bulan Ogos & September 2018. Kuat kuasa tindakan mulai Oktober 2018
- Ketiadaan pegawai semasa waktu bertugas (hilang) memang berlaku di kalangan pegawai SPP, namun jumlahnya kecil. Sehubungan itu, satu pasukan akan ditubuhkan bagi memantau pegawai berkenaan termasuk membuat pemeriksaan mengejut dari semasa ke semasa



## Kaji Selidik Penempatan Pegawai

---

Borang Kaji Selidik ini dilaksanakan atas permintaan pegawai yang tidak berpuas hati dengan penempatan mereka & selaras dengan pekeliling JPA yang menetapkan sistem giliran supaya pegawai tidak terlalu lama di satu-satu tempat selain mempelbagaikan pengalaman

Borang ini telah diedarkan melalui emel & maklum balas awal hanya 95 pegawai telah mengisi borang tersebut. Sehubungan itu, pegawai lain diberi peluang sehingga 28 September 2018 untuk mengisi borang berkenaan



## Panduan Telefon

---

Satu panduan menjawab telefon sedang disediakan bagi memastikan pegawai SPP menjawab panggilan telefon orang awam secara teratur. Panduan ini selaras dengan peraturan yang dikeluarkan oleh MAMPU.

Keperluan panduan ini disediakan selaras dengan *core business* SPP yang merupakan agensi hadapan serta berikutan beberapa aduan diterima yang melibatkan panggilan orang awam kepada SPP



## Latihan

---

- Dasar latihan pegawai SPP adalah 3 hari berkursus
- Setakat ini pencapaian 92% & hanya 19 pegawai belum melengkapkan tempoh berkenaan. Senarai pegawai berkenaan akan diedarkan melalui SUB masing-masing
- Garis panduan latihan bukan sahaja berbentuk kursus secara rasmi tapi mengambil kira taklimat dan ceramah



# Pemakluman/ Perhatian


---

MS ISO 27001:2013 - Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) – peringkat akhir untuk di peringkat SIRIM

Pematuhan kepada pakaian pejabat bagi pegawai lelaki dan wanita – pegawai SPP diminta mematuhi panduan ini

Sasaran Kerja Tahunan 2018 dan 2019 – Tindakan menyelesaikan SKT Tahun 2018 dan bersedia dengan cadangan SKT Tahun 2019

Bajet 2019 – dijangka akan berlaku pengurangan ketara bagi Bajet B40. SPP tidak akan memperolehi RM17 juta sepertimana Bajet 2018



# Soal Jawab .....

---



**Terima kasih**